

'Hanya berkurangan tapi belum pupus'

HM 19/10/23 m/s 17

Putrajaya: Sumber perikanan air tawar atau ikan asli negara masih terkawal dengan usaha berterusan Jabatan Perikanan Malaysia biarpun ada beberapa spesies yang berkurangan tidak seperti beberapa tahun lalu ketika zaman 'kegemilangannya'.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Adnan Hussain berkata, setakat ini populasi ikan asli negara belum dikategorikan pupus sebaliknya hanya berkurangan atas beberapa faktor yang menyumbang kepada penyusutan sumber berkenaan.

Menurutnya, antara spesies ikan yang semakin sukar ditemui ketika ini ialah patin muncung di Sungai Pahang dan populasi spe-

sies berkenaan diakui tidak banyak seperti tahun 1970 dan 1980-an selain ikan temoleh, kelisa dan kelah.

"Berdasarkan rekod kita, ada juga nelayan yang dapat ikan ini cuma kalau dibandingkan dengan spesies patin lain. Spesies lain seperti patin buah, lawang, juara dan pasir, ia ketika ini masih boleh ditemui dengan banyak di sungai kita berbanding patin muncung," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini.

Adnan berkata, beliau tidak menafikan ancaman ikan asing antara punca

sumber ikan asli semakin berkurangan dengan dilaporkan beberapa sungai utama seperti Sungai Pahang, Selangor dan Perak mempunyai ikan penda-

tang berpunca daripada sangkar atau kolam pecah akibat banjir.

"Perak kawasan yang terkesan dengan kehadiran ikan asing jenis baung ekor merah dan ikan raja ialah di daerah Hilir Perak menghala ke Perak Tengah, manakala Sungai Pahang; Sungai Triang, Negeri Sembilan dan Sungai Langat, Selangor pula terkesan baung ekor

merah.

"Sungai Skudai, Johor dikesan kehadiran ikan bandar raya dan Tasik Timah Tasoh, Perlis pula ikan raja dan ikan bongkok dan terbaru udang kara air tawar. Ia spesies yang kita kawal dan pantau tetapi terlepas ke perairan umum yang mana ia cepat membiak serta mendominasi ekosistem," katanya.

Bagaimanapun katanya, masih ada faktor lain seperti aktiviti penangkapan ikan tidak terkawal dan desktruktif, pencemaran sisa toksik dan sampah domestik, perubahan ekosistem kerana penerokaan selain perubahan iklim yang menyumbang kepada isu kekurangan sumber ikan asli.

“

**Perak kawasan
terkesan dengan
kehadiran ikan
baung ekor merah
dan ikan raja**

Adnan